

**Najib Lawat Hospital Kuala Krai Yang Terjejas Banjir  
Bernama  
Dec 30, 2014**

KUALA KRAI, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melawat Hospital Kuala Krai bagi meninjau kesan kemusnahan akibat banjir di hospital itu dan kawasan sekitarnya.

Najib yang tiba pada pukul 1.50 tengah hari dengan helikopter turut ditemani Pengerusi Jawatankuasa Bencana Banjir Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Perdana Menteri kemudiannya mendengar taklimat daripada Pengarah HKK Dr Nik Mohd Faizal Nik Zainal Abidin mengenai keadaan terkini hospital berkenaan.

Selesai taklimat Najib kemudiannya melawat beberapa pesakit yang dimasukkan ke hospital itu akibat banjir.

Antaranya adik Muhammad Afiq Ikmal Zaidi, setahun 10 bulan yang mengalami cirit birit kerana terpaksa minum air hujan pada masa itu dan dimasukkan ke wad kanak-kanak hospital itu sejak beberapa hari lalu.

Sebelum ini, perkarangan hospital itu juga turut dijadikan lokasi pusat pemindahan dan kini semuanya telah pulang ke rumah masing-masing.

Kuala Krai merupakan antara jajahan yang terjejas teruk akibat banjir termasuk terputus bekalan makanan dan elektrik.

Terdahulu, Najib turut meninjau kesan kemusnahan banjir di Kampung Manik Urai Baru dan Lama yang merupakan kawasan paling teruk terjejas banjir di Kuala Krai.

Lawatan Perdana Menteri ke hospital itu memberikan semangat baharu kepada kira-kira 180 pegawai dan kakitangan hospital itu untuk memberikan khidmat yang lebih cemerlang kepada rakyat terutama ketika banjir.

Pengarah hospital itu, Dr Nik Mohd Faizal Zainal Abidin berkata kedatangan Perdana Menteri itu sangat mengujakan semua pegawai dan kakitangan hospital itu yang turut mendapat pujian Najib.

"Ini semua memberikan kami kekuatan untuk kami bekerja dengan lebih kuat lagi dan kami tidak sangka Perdana Menteri sanggup datang ke sini.

"Apa yang kami lakukan adalah demi tugas kepada rakyat yang memerlukan kami," katanya kepada pemberita selepas lawatan Najib ke hospital itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097027>